

Santuari kelah di kaki gua

SH 7/8/2019 m/s 32

Pengunjung boleh
naik bot atau
perahu melihat
panorama menarik

AKMALIAH RAZAK


GUA MUSANG

Mungkin ramai yang tidak tahu di Kampung Lepan Jaya, di sini ada santuari kelah yang terletak di kaki gua.

Lebih unik, satu kolam ikan-nya berada di dalam gua dan pengunjung boleh menaiki bot atau perahu untuk melihat panorama menarik di situ.

Bermula sekadar hobi, Mohd Saiful Basri Mat Yaacob, 44, berhabis hampir RM90,000 untuk santuari kelah dan empat kolam ternakan ikan.

Katanya, sehingga kini dia ada lebih 4,000 ekor kelah, tilapia dan rohu setelah lebih 10



Sazmi (kanan) melawat santuari kelah milik Mohd Saiful Basri yang bakal dikomersialkan untuk tarikan pelancong.

tahun mengusahakan santuari-nya.

"Saya sekolah sampai darjah dua sahaja kerana keluarga orang susah tidak mampu nak bersekolah. Selepas berhenti sekolah, saya kerja macam-macam dari kecil lagi termasuk di hutan sebagai penebang balak.

"Saya membina kolam ikan ini pada awal 2005 dan dalam masa empat tahun, saya menyiapkannya dengan lima kolam termasuk santuari yang dibina khas untuk pengunjung melihat ikan."

"Ikan yang paling mahal saya jual adalah seberat enam kilogram (kg) iaitu berharga

RM6,000. Untuk kelah biasa, saya jual dengan harga RM250 untuk setiap kg," katanya.

Saiful berkata, sebelum kolam di kaki gua dibina, dia pernah membuat kolam ikan kelah di dalam bukit pada 1999.

"Saya ternak 6,000 ekor kelah ketika itu namun bukan rezeki saya kerana kolam pecah dan saya kerugian besar iaitu hampir setengah juta.

"Selepas itu, barulah saya bina kolam di sini (Lepan Jaya) dan alhamdulillah ALLAH SWT permudahkan," katanya selepas menerima lawatan daripada Lembaga Kemajuan Kellantan Selatan (Kesedaran).

Sementara itu, Pengerusi Kesedaran, Datuk Sazmi Miah berkata, santuari kelah itu berpotensi untuk dikomersialkan setanding santuari di Tasik Kenyir.

Katanya, Kesedaran akan meneruskan bentuk bantuan yang diperlukan bagi memperkenalkan santuari itu secara lebih meluas sekali gus meningkatkan jumlah pendapatan usahawan.